

Tarikh: 9 MEI 2019

Pelanggan Yang Di Hargai,

PEMINDAHAN AKAUN PEMBIAYAAN DARI SISTEM LAMA KE SISTEM BARU

MBSB Bank sedang menjalani aktiviti untuk menyelaraskan semua produk yang ditawarkan oleh MBSB Bank ke dalam satu sistem perbankan teras.

Oleh itu, sila ambil maklum mengenai perkara di bawah:-

i) Penukaran nombor akaun

Salah satu perubahan utama adalah akaun pembiayaan anda akan diperuntukkan dengan **NOMBOR AKAUN YANG BARU**. Sila ambil maklum bahawa nombor akaun baru anda akan dihasilkan oleh sistem MICoB. Oleh itu, kami akan memberikan anda nombor akaun baru setelah migrasi sistem dilaksanakan.

ii) Tarikh matang bayaran bulanan dan pengiraan Pampasan Bayaran Lewat (Ta'widh) akan diselaraskan mengikut praktis MBSB Bank seperti yang tertera di bawah:-

Tarikh Matang Bayaran Ansuran Bulanan

Bayaran ansuran bulanan akan matang dan perlu dibayar pada **HARI PERTAMA (1^{HB}) SETIAP BULAN** sehingga penyelesaian sepenuhnya Kemudahan tersebut.

Pampasan Bayaran Lewat (Ta'widh)

- (a) Anda bertanggungjawab membayar kepada MBSB Bank Pampasan Bayaran Lewat (Ta'widh) pada mana-mana jumlah tertunggak seperti berikut:
- (i) Jika berlaku tunggakan sepanjang tempoh kemudahan atau mana-mana bahagiannya, pada kadar satu peratus (1%) setahun ke atas ansuran tertunggak di bawah Kemudahan tersebut atau sebahagian darinya atau apa-apa kaedah atau kadar lain yang ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM) dan/atau Jawatankuasa Penasihat Syariah MBSB Bank (JPS MBSB Bank) dari semasa ke semasa; dan
 - (ii) Jika berlaku tunggakan selepas tarikh matang kemudahan tersebut atau mana-mana bahagiannya, pada kadar yang tidak melebihi Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank Islam (IIMM) ke atas baki tertunggak atau mengikut cara yang diluluskan oleh MPS BNM dan / atau JPS MBSB Bank dari semasa ke semasa.
- (b) Walau bagaimanapun, jumlah Pampasan Bayaran lewat (Ta'widh) yang dikenakan, ia diakui secara nyata dan dipersetujui bahawa jumlah Pampasan Bayaran Lewat (Ta'widh) tidak akan dikompaunkan.

Semua terma dan syarat lain akan kekal tidak berubah dan tetap berkuatkuasa.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-2096 3000 di antara 8.30 pagi hingga 5.30 petang (waktu Malaysia) pada hari bekerja atau e-mel ke enquiry@mbsbbank.com**

Kami mengucapkan terima kasih atas kepercayaan dan sokongan berterusan anda kepada MBSB Bank.

Yang benar,
MBSB BANK BERHAD (No. Syarikat 716122-P)

Nota: Notis ini adalah cetakan komputer; tiada tandatangan diperlukan

Jika terdapat sebarang pertikaian atau percanggahan di antara teks Bahasa Inggeris dan terjemahan Bahasa Malaysia ini, maka teks Bahasa Inggeris akan diterima pakai.